**FOR IMMEDIATE RELEASE**

# MEDIA STATEMENT

## PM APPOINTS PROF DR MOHD FAIZ ABDULLAH AS ISIS MALAYSIA CHAIRMAN

**Kuala Lumpur, 13 MARCH 2023:** YAB Prime Minister Dato' Seri Anwar Ibrahim has appointed **Prof Dr Mohd Faiz Abdullah** as the Chairman of the Institute of Strategic and International Studies (ISIS) Malaysia effective 17 February 2023 for a three-year term.

A lawyer by training, Prof Faiz graduated with First-Class Honours in LLB from the International Islamic University Malaysia in 1989 and was called to the Malaysian Bar the following year. He later obtained an MBA from the University of Southern Queensland, Australia and a PhD from Putra Business School. His first degree was in English Literature from the University of Malaya.

"I wish to express my profound thanks to the Prime Minister for entrusting me with the responsibility of helming ISIS Malaysia. With Malaysia Madani as the guiding philosophy of nationhood, Malaysia is well poised to take on a larger role in the international arena and we're here to advance that agenda and help realise our global aspirations.

"Further, the appointment of a high-powered board of directors reflects the government's aim of ensuring that ISIS Malaysia remains a world-class institution."

As author and scholar, Prof Faiz has extensive experience in public policy and research, including as special adviser on international policy and affairs with the Selangor government, and later as adviser in strategic and international relations in the Ministry of Economic Affairs and Ministry of International Trade and Industry.

Prof Faiz also has vast experience in the corporate sector, helming various public-listed companies. He was a journalist with the *New Straits Times* before moving on to law enforcement and legal studies. In 30 years of legal and corporate practice, he specialised in mergers and acquisitions, corporate finance and advisory, forensic due diligence and public interest litigation.

He also served as senior research fellow and director at the Institute for Policy Studies from 1996 to 2008. In 2009, with Dato' Seri Anwar as chair, Prof Faiz co-founded the World Forum for Muslim Democrats, dedicated to providing a vibrant platform for public intellectuals to discourse on Islam, reform, democracy and governance.

Prof Faiz is the founding dean of Selangor Business School (Unisel), a graduate business school, where he teaches Strategic Management and Organisational Behaviour. He is the author of four books on topics ranging from shariah law and judicial reform to the Fourth Industrial Revolution.

The Prime Minister has also appointed the following to the Board of Directors of ISIS Malaysia:

Dato' Sri Amran Mohamed Zain, Secretary-General, Ministry of Foreign Affairs

Datuk Johan Mahmood Merican, Secretary-General, Ministry of Finance

Dato' Sri Muez Abd Aziz, Secretary-General, Ministry of Defence

Prof Dr Mohamed Aslam Mohamed Haneef, International Islamic University Malaysia

Prof Dr Rozanah Ab Rahman, Universiti Putra Malaysia; and,

Encik Naguib Mohd Nor, CEO, Strand Aerospace Malaysia

Additionally, the Prime Minister has consented to the appointment of Mr V. Raman Narayanan of the Sunway Group and Prof Dr Tham Siew Yean, Visiting Senior Fellow of the ISEAS-Yusof Ishak Institute, to the Board of Directors.

**-end-**

**Press contact:**

Deda Ridzwani: deda@isis.org.my

Tan Wan-Peng: wanpeng@isis.org.my

## About ISIS Malaysia

The Institute of Strategic & International Studies (ISIS) Malaysia was established on 8 April 1983 as an autonomous national think-tank. ISIS Malaysia's establishment was inspired by the idea that both the country and government could benefit from the contributions of policy-relevant work undertaken by a body outside the government on issues of national interest.

ISIS Malaysia engages actively in Track Two diplomacy and is a key founding member of several regional networks which promote the exchange of views and collaboration that feed into policymaking.

**UNTUK EDARAN SEGERA**

## KENYATAAN MEDIA

## PM LANTIK PROF DR MOHD FAIZ ABDULLAH SEBAGAI PENGERUSI ISIS MALAYSIA

**Kuala Lumpur, 13 MAC 2023**: YAB Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim telah melantik **Prof Dr Mohd Faiz Abdullah** sebagai Pengerusi Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa Malaysia (ISIS) berkuatkuasa 17 Februari 2023 untuk tempoh tiga tahun.

Berkelayakan dalam bidang peguaman, Prof Faiz lulus dengan Kepujian Kelas Pertama dalam LLB dari Universiti Islam Antarabangsa pada 1989 dan dipanggil menjadi ahli Badan Peguam Malaysia pada tahun berikutnya. Beliau kemudiannya memperolehi Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari University of Southern Queensland, Australia, dan Doktor Falsafah dari Putra Business School. Ijazah sulungnya ialah dalam Kesusasteraan Inggeris dari Universiti Malaya.

"Saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada YAB Perdana Menteri di atas kepercayaan dan amanah yang diberikan saya untuk menerajui ISIS Malaysia. Selaras dengan peluncuran Malaysia Madani sebagai falsafah pembimbing kenegaraan, Malaysia bersedia untuk memainkan peranan yang lebih besar di persada antarabangsa. Justeru itu, ISIS Malaysia akan bantu memangkinkan agenda ini demi mereliasasikan aspirasi negara."

"Selanjutnya, pelantikan lembaga pengarah yang berwibawa mencerminkan matlamat kerajaan untuk memastikan ISIS Malaysia kekal sebagai institusi yang bertaraf global."

Sebagai pengarang dan sarjana, Prof Faiz mempunyai pengalaman luas dalam dasar dan penyelidikan awam, termasuk sebagai penasihat khas dasar dan hal ehwal antarabangsa kerajaan Selangor, dan kemudiannya sebagai penasihat hubungan strategik dan antarabangsa di Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Prof Faiz juga mempunyai pengalaman luas dalam sektor korporat, dengan menerajui pelbagai syarikat tersenarai awam. Beliau pernah berkhidmat sebagai wartawan di New Straits Times sebelum beralih ke dalam bidang penguatkuasaan dan kajian undang-undang. Dalam kerjaya selama 30 tahun dalam bidang perundangan dan korporat, beliau telah menumpu kepakaran dalam bidang penggabungan dan pengambilalihan, kewangan korporat dan perundingan, *forensic due diligence* dan litigasi kepentingan awam.

Beliau pernah juga berkhidmat sebagai felo penyelidik kanan dan pengarah di Institut Kajian Dasar dari tahun 1996 hingga 2008. Pada tahun 2009, bersama Dato' Seri Anwar selaku pengerusi, Prof Faiz telah mengasaskan World Forum for Muslim Democrats. Forum ini

menyediakan landasan yang kukuh demi wacana mengenai hal islah dan tajdid, reformasi, demokrasi dan tadbir urus negara.

Prof Faiz ialah dekan pengasas Selangor Business School (Unisel), dimana beliau mengajar subjek *Strategic Management dan Organisation Behaviour*. Beliau telah mengarang empat buku mengenai undang-undang syariah, reformasi kehakiman, Revolusi Perindustrian Keempat serta pengurusan strategik.

YAB Perdana Menteri juga telah melantik enam ahli Lembaga Pengarah ISIS Malaysia yang baru, terdiri daripada:

Dato' Sri Amran Mohamed Zain, Ketua Setiausaha, Kementerian Luar Negeri

Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha, Kementerian Kewangan

Dato' Sri Muez Abd Aziz, Ketua Setiausaha, Kementerian Pertahanan

Prof Dr Mohamed Aslam Mohamed Haneef, Universiti Islam Antarabangsa

Prof Dr Rozanah Ab Rahman, Universiti Putra Malaysia; dan

Encik Naguib Mohd Nor, CEO, Strand Aerospace Malaysia

YAB Perdana Menteri telah memperkenankan pelantikan Encik V. Raman Narayanan dari Kumpulan Sunway dan Prof Dr Tham Siew Yean, Felo Kanan Pelawat Institut ISEAS-Yusof Ishak ke Lembaga Pengarah.

**-tamat-**

**Hubungan akbar :**

Deda Ridzwani: deda@isis.org.my

Tan Wan-Peng: wanpeng@isis.org.my

**Mengenai ISIS Malaysia**

Institut Kajian Strategik & Antarabangsa (ISIS) Malaysia telah ditubuhkan pada 8 April 1983 sebagai sebuah badan pemikir bersifat autonomi. Penubuhan ISIS Malaysia telah diilhamkan oleh idea bahawa kedua-dua negara dan kerajaan boleh mendapat manfaat daripada sumbangan kerja berkaitan dasar yang dijalankan oleh badan di luar kerajaan dalam isu kepentingan negara.

ISIS Malaysia terlibat secara aktif dalam diplomasi *Track Two* dan merupakan ahli pengasas utama beberapa rangkaian serantau yang menggalakkan pertukaran pandangan dan kerjasama yang menjurus kepada penggubalan dasar.